

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 30 November 2024 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2024 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Asia aims to provide capital appreciation by investing in Shariah-compliant securities in the Asia Pacific ex-Japan region including Malaysia.

Takafulink Dana Asia bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah dalam rantau Asia Pasifik kecuali Jepun, termasuk Malaysia.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


| | % NAV |
|--------------------------------------------------|-------|
| 1 Principal DALI Asia Pacific Equity Growth Fund | 96.93 |
| 2 Cash, Deposits & Others | 3.07 |

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

| | |
|-------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| Investment Manager / Pengurus Pelaburan | Prudential BSN Takaful Berhad |
| Inception Date / Tarikh Diterbitkan | 10/05/2021 |
| Current Fund Size / Saiz Dana Terkini | RM2,477,231.79 |
| Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan | 1.50% per annum |
| Current NAV / NAB Terkini | RM0.92129 |

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Asia Vs. 30% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 70% MSCI AC Asia ex Japan Islamic Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

| | 1 month | 3 months | 6 months | 1 year | 3 years | 5 years | Since Inception |
|-------------------------------------|---------|----------|----------|--------|---------|---------|-----------------|
| Price Movement / Pergerakan Harga | -1.80% | -3.19% | -6.38% | 3.72% | -6.93% | NA | -7.87% |
| Benchmark / Penanda Aras | -3.71% | -9.27% | -10.33% | 0.69% | -4.63% | NA | -8.83% |
| Outperformance / Perbezaan Prestasi | 1.91% | 6.08% | 3.95% | 3.03% | -2.30% | NA | 0.96% |

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 30 November 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2024 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fund Review & Strategy

The Fund returned -1.80% for the month, outperforming the benchmark return of -3.71% by 1.91%. Year-to-date, The Fund returned 0.55%, outperforming the benchmark return of -2.01% by 2.56%. Malaysia's manufacturing sector moderated in November, with a PMI reading of 49.2 pts vs 49.5 pts in the previous month, as demand conditions remain muted. The latest PMI data suggests 4Q24 GDP growth momentum could sustain at a similar pace as the preceding quarter, which was at 5.9%, albeit at a slower rate of increase. To recap, BNM now projects GDP to grow 4.8-5.3% in 2024, revised up from 4-5% previously, and the economy to expand by 4.5-5.5% in 2025. For Malaysia, the Target Fund Manager remain constructive on defensive sectors and quality names as they selectively deploying cash that were raised earlier. They believe improved political stability, stronger earnings growth prospects and higher domestic investments would keep the market afloat. Key catalysts are domestic fiscal reforms, surge in investments and elevated domestic liquidity. Key risks are the derailment of Malaysia's macroeconomic recovery and corporate earnings growth due to the larger-than-expected impact of rising inflation, slower global economic growth, and heightened geopolitical risk. For regional equities, following President-elect Trump's victory, emerging market assets have suffered a setback with outflows. US markets have received an additional boost, pricing in tax cuts and deregulation. The US futures market projects another 3-4 rate cuts till end 2025 to 3.7%, although it is fluid depending on US trade, tax, immigration and fiscal policies. There is potential upside for the USD given expectations for better US economic growth and import tariffs. Countries with deep domestic economies, such as India and those in ASEAN, are more insulated from trade tariffs in 2025. The new US administration's transactional approach could also open up opportunities on a case-by-case basis, though it is still too early to predict. In China, policymakers have an open-ended commitment to support growth as shown since September. The upcoming Central Economic Work Conference and National People's Congress in March are key events for further policymaking. The Target Fund Manager favor companies with self-help initiatives that can grow regardless of stimulus. The Target Fund Manager remain fully invested and well positioned in the areas of a) broad-based exposure across India in industrials, healthcare, property b) selected technology names across foundry, IT services, software, internet c) ideas where return drivers are not major macro factors, e.g. ASEAN and energy transmission. They believe the long-term thesis remains intact for India and the Target Fund is well positioned should demand reaccelerate again post monsoon. Government capex should resume after a few quarters pause, and they expect some sequential improvement in business activity.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana memberikan pulangan -1.80% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak -3.71% dengan perbezaan 1.91%. Sejak awal tahun sehingga kini, Dana menghasilkan pulangan 0.55%, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak -2.01% dengan perbezaan 2.56%. Sektor pembuatan Malaysia menyederhana pada November, dengan bacaan PMI 49.2 mata pada bulan sebelumnya, ekoran keadaan permintaan yang sepi. Data PMI terkini mencadangkan momentum pertumbuhan KDNK 4Q24 boleh kekal pada kadar yang sama seperti suku sebelumnya, iaitu pada 5.9%, walaupun kadar peningkatannya lebih perlahan. Sebagai imbasan, BNM kini mengunjurkan KDNK mengembang 4.8% hingga 5.3% pada tahun 2024, disemak semula daripada 4% hingga 5% sebelum ini, dan ekonomi akan mengembang sebanyak 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2025. Meninjau Malaysia, pandangan Pengurus Dana Sasaran terhadap sektor defensif dan saham berkualiti masih konstruktif kerana Pengurus Dana Sasaran menggunakan wang tunai yang diperolehi lebih awal secara selektif. Pengurus Dana Sasaran percaya bahawa kestabilan politik yang lebih baik, prospek pertumbuhan pendapatan yang lebih kukuh dan pelaburan domestik yang lebih tinggi akan menyokong pasaran. Pemangkin utama ialah pembaharuan fiskal domestik, lonjakan pelaburan dan kecairan domestik yang tinggi. Risiko utama ialah kegelisahan pemulihan makroekonomi Malaysia dan pertumbuhan pendapatan korporat disebabkan oleh kesan kenaikan inflasi yang lebih besar daripada jangkaan, pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan keruncingan risiko geopolitik. Menyorot ekuiti serantau, berikutan kemenangan Trump yang terpilih sebagai Presiden, aset pasaran baru muncul telah mengalami kemunduran berikutan aliran keluar. Pasaran AS telah menerima rangsangan tambahan, pemotongan cukai telah ditetapkannya dan penyahkawalseliaan. Pasaran hadapan AS mengunjurkan lagi 3 hingga 4 kadar pemotongan sehingga akhir 2025 kepada 3.7%, walaupun ianya bergantung pada perdagangan AS, cukai, imigresen dan dasar fiskal. USD mempunyai potensi untuk meningkat memandangkan jangkaan ke atas pertumbuhan ekonomi AS yang lebih baik dan tarif import. Negara-negara yang mempunyai ekonomi domestik yang besar, seperti India dan negara-negara di ASEAN, lebih terlindung daripada tarif perdagangan pada tahun 2025. Pendekatan transaksi pentadbiran AS yang baharu juga boleh menghidupkan peluang berdasarkan kes demi kes, walaupun masih terlalu awal untuk diramal. Di China, penggubal dasar memberikan komitmen terbuka untuk menyokong pertumbuhan seperti yang ditunjukkan sejak September. Persidangan Kerja Ekonomi Pusat dan Kongres Rakyat Kebangsaan yang akan berlangsung pada bulan Mac merupakan acara penting buat penggubalan dasar selanjutnya. Pengurus Dana Sasaran memihak kepada syarikat yang mempunyai inisiatif bantu diri yang boleh berkembang tanpa mengambil kira keberadaan rangsangan. Pengurus Dana Sasaran masih melabur sepenuhnya dan berada pada kedudukan yang baik dalam bidang a) pendedahan meluas di seluruh India membabitkan perindustrian, penjagaan kesihatan, harta benda b) saham teknologi terpilih merentas foundry, perkhidmatan IT, perisian, internet c) idea yang mana pemacu pulangan bukan faktor makro utama, contohnya ASEAN dan penghantaran tenaga. Pengurus Dana Sasaran percaya bahawa tesis jangka panjang terus utuh buat India dan Dana Sasaran berada pada kedudukan yang baik sekiranya permintaan menderas semula selepas monsun. Perbelanjaan modal (capex) kerajaan harus disambung semula selepas bereda dalam beberapa suku tahun, dan mereka menjangkakan beberapa peningkatan berurutan dalam aktiviti perniagaan.

Source / Sumber: Fund Commentary, November 2024, Principal Asset Management Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 30 November 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2024 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL